

Isu salah laku babitkan Afdlin Shauki, siasatan dalaman masih diteruskan

KUALA LUMPUR – Beberapa individu dipanggil bagi membantu siasatan berhubung dakwaan salah laku yang dikaitkan dengan pelakon dan pengarah, Datuk Afdlin Shauki berhubung perolehan projek bernilai RM4 juta di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, ketika ini pihaknya masih meneruskan siasatan dalaman berhubung perkara berkenaan.

Jelasnya, satu unit siasatan telah ditubuhkan diketuai Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif.

“(Ketika ini) kita masih dalam siasatan dalaman, kita telah wu-



ZALIHA

judkan satu unit siasatan (dike-tuai) Datuk Bandar Kuala Lumpur. Kita akan panggil kesemua yang terlibat (termasuk Afdlin).

“Insya-Allah laporan penuh akan diberikan nanti,” katanya

kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Community's Barbershop di Perumahan Awam Seri Perlis 2, di sini semalam.

Terdahulu, Maimunah di-lapor mengesahkan siasatan itu dan sedang bekerjasama rapat dengan unit integriti DBKL.

Dakwaan salah laku memba-bitkan ahli lembaga penasihat itu mula tular di media sosial, sejak Jumaat lepas.

Ia membabitkan pelanggaran proses tadbir urus berkaitan perolehan projek kerja penerbi-tan bahan kreatif untuk DBKL bernilai RM4 juta, yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Dalam kenyataan susulan di media sosial, Afdlin menafikan

dakwaan salah laku dalam perolehan projek di bawah DBKL.

Dakwa Afdlin, isu berkenaan sengaja dimainkan untuk memburukkan namanya.

'Ada usaha jatuhkan saya'

• Afdlin menafikan dakwaan salah laku berhubung projek DBKL bernilai RM4 juta.
• Dakwa laporan palsu.
• Media sosial bertanggungjawab.

pelaku, telah berhubung dengan pihak berkuasa untuk menyiasat perkara ini. Afdlin berkata, beliau tidak mengetahui siapa yang membuat laporan palsu itu. Beliau juga berkata, beliau telah berhubung dengan pihak berkuasa untuk menyiasat perkara ini.



**KERATAN
KOSMO!
1 Februari
2024.**